

Tarikh : 14 Ogos 2019

No. rujukan : EM07210008

Kepada: Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

**UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN MSPO KE ATAS FEDERAL LAND DEVELOPMENT AUTHORITY (FELDA) – LASAH**

Federal Land Development Authority (FELDA) – Lasah telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "Malaysian Sustainable Palm Oil" (MSPO), MS 2530:2013.

MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaiannya bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut :

1. Nama unit pengurusan	:	Federal Land Development Authority (FELDA) – Lasah			
2. Tarikh mula audit	:	17 September 2019			
3. Tarikh akhir audit	:	20 September 2019			
4. Lokasi audit	:	Federal Land Development Authority (FELDA) Lasah, Pejabat Felda Lasah, 31120 Sungai Siput Utara, Perak Darul Ridzuan			
5. Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	:	887 Ha			
6. Standard yang digunakan	:	MS 2530-3:2013 Standard ini boleh dibeli melalui <a href="http://www.msonline.gov.my/catalog.php">http://www.msonline.gov.my/catalog.php</a>			
7. Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran	:	Ahzahar Amir Rahmat Karto			



ISO/IEC 17021-1:2015 GS 0472 1500 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 EMS 1712002 CB 02  
ISO/IEC 17065:2012 PC 05102004 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 OSH 06122005 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 HACCP 05052008 CB 03  
ISO/TS 22003:2013 FSMS 23122008 CB 01  
MS ISO/IEC 17021:2011 FMC 03122008 CB 01  
MS ISO/IEC 27001:2011 ISMS 03122008 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 MAM 03122008 CB 01  
ISO/IEC 17021-1:2015 GMP 09102015 CB 04  
ISO/IEC 17021-1:2015 MSPO 25072017 CB 05  
ISO/IEC 17024:2012 PS 09032017 CB 03

MS ISO/IEC 17025 CALIBRATION / TESTING

SAMM NO.085 SAMM NO.086  
SAMM NO.087 SAMM NO.219  
SAMM NO.735 SAMM NO.240  
SAMM NO.734 SAMM NO.377

MS ISO/IEC 17020 MIBAS NO. 003

074

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan sebelum **17 September 2019**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar:



Kamini A/P M. Sooriamoorthy  
Head  
Food, Agriculture and Forestry Section  
SIRIM QAS International Sdn Bhd.

## BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian:  
Cik Kamini A/P M.Sooriamoorthy  
Ketua  
Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan  
SIRIM QAS International Sdn Bhd,  
Persiaran Dato' Menteri  
Section 2, 40700 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.  
No. Tel : 03-55446448  
Fax: 03-55446763  
Email : [kamini@sirim.my](mailto:kamini@sirim.my)

### MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO DI \_\_\_\_\_

Saya merujuk kepada surat bertarikh ..... untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas.  
Saya ingin mengesahkan bahawa:

- Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan
- Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan
- Isu berkaitan pematuhan undang-undang Sila huraikan: \_\_\_\_\_
- Isu berkaitan aspek sosial Sila huraikan: \_\_\_\_\_
- Isu berkaitan alam sekitar Sila huraikan: \_\_\_\_\_
- Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan Sila huraikan: \_\_\_\_\_
- Lain-lain Sila huraikan: \_\_\_\_\_
- Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut :

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. telefon : \_\_\_\_\_

Alamat email : \_\_\_\_\_

Terima kasih

Yang ikhlas,

.....  
Nama :  
Alamat:  
No. tel :